

ANUGERAH SERI GEMILANG 2009

Pekerja adalah tonggak kepada kejayaan sesebuah institusi dan bagi menentukan kecemerlangan, institusi tersebut perlu memiliki para pekerja yang berdedikasi dan berdaya saing.

Menyedari akan hakikat itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus menganjurkan Anugerah Seri Gemilang 2009 (ASG) buat kali ke lapan dengan tujuan meraih dan mengiktiraf warga kerja UniMAP yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam perkhidmatan dan jawatan yang disandang selain memberikan pengiktirafan dalam setiap pencapaian cemerlang mereka dalam bidang penyelidikan, sukan dan kebudayaan.



Majlis yang bertemakan "1Malaysia" itu diadakan pada 12 Mac 2010 lalu di Dewan 2020, Kangar Perlis, dimana dihadiri oleh seluruh warga kakitangan UniMAP.

Majlis turut diserikan dengan keberangkatan DYTM Raja Muda Perlis yang juga Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYT Raja Puan Muda Perlis merangkap Pro-Canselor UniMAP, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.



Turut hadir Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr Md Isa Sabu dan isteri, Datin Seri Asiah Asmuni serta beberapa keutamaan negeri dan pengurusan tertinggi UniMAP.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof Dr. Kamarudin Hussin berkata, Anugerah Seri Gemilang ini merupakan usaha UniMAP dalam membentuk budaya kerja atau perkhidmatan cemerlang serta bermutu.

"Perkhidmatan seumpama ini perlu dijadikan contoh dan ikutan agar dapat mempengaruhi dan menggerakkan kecerdasan kerja dan daya usaha kakitangan yang lain. Saya yakin, perkhidmatan yang cekap amat perlu untuk menjadikan UniMAP sebagai institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing bukan sahaja di pentas Malaysia tetapi nun jauh di persada antarabangsa," katanya.

Beliau berharap kakitangan UniMAP harus bersifat adaptif atau mudah menyesuaikan diri dengan pola perubahan lokal dan global untuk meningkatkan daya saing individu dan organisasi itu sendiri.

Seramai 77 kakitangan UniMAP telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009. Sementara itu, 26 orang kakitangan dan dua pusat tanggungjawab menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang bagi pelbagai kategori.



Selain itu, para penyelidik UniMAP yang memenangi pingat di pameran-pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa turut diberikan pengiktirafan. Bagi penggiat sukan dan kebudayaan, jasa dan pengorbanan mereka dalam mengharumkan nama UniMAP tidak dilupakan apabila turut mendapat pengiktirafan mengikut kategori anugerah.

Semoga anugerah yang diperolehi oleh setiap kakitangan UniMAP menjadi pemangkin dalam menjadikan UniMAP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terus cemerlang, gemilang dan terbilang bukan sahaja di Malaysia bahkan di persada antarabangsa.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2009

- | | | |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Zaini Ahmad
<i>Pengawal Keselamatan</i> | 27. Hafizah Md. Yusof
<i>Pembantu Tadbir (Kesetiausahaana)</i> | 55. Zahereel Ishwar Abdul Khalib
<i>Pensyarah</i> |
| 2. Noor Azimat Saidin
<i>Pekerja Awam</i> | 28. Zalizam Mulyadi Ghazali
<i>Pembantu Teknik</i> | 56. Siti Rafidah Abdul Rahim
<i>Pensyarah</i> |
| 3. Suhairi Abdul Karim
<i>Pekerja Awam</i> | 29. Shatini Shahidan
<i>Penolong Pengurus Asrama</i> | 57. Siti Zarina Md. Naziri
<i>Pensyarah</i> |
| 4. Ku Isma Faizul Ku Ismail
<i>Pembantu Am Pejabat</i> | 30. Muhd. Nur Ikhwan Muhd. Nasir
<i>Penolong Pegawai Belia dan Sukan</i> | 58. Zulkifli Hussin
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Diploma)</i> |
| 5. Zulkarnai Zulkifli
<i>Pembantu Am Pejabat</i> | 31. Shahril Mukhriz Sulaiman
<i>Jurutera</i> | 59. Zulfakar Mokhtar
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 6. Ahmad Nidzam Ibrahim
<i>Pemandu Kenderaan</i> | 32. Bimazlim Bidin
<i>Pereka</i> | 60. Fathinul Syahir Ahmad Sa'ad
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 7. Ahmad Shaufi Shafiei
<i>Pemandu Kenderaan</i> | 33. Mohd. Zul Fauzi Mohamed Sawal
<i>Pegawai Kebudayaan</i> | 61. Khairul Salleh Basaruddin
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 8. Shukur Abdullah
<i>Penjaga Jentera Elektrik</i> | 34. Norazam Abdul Rashid
<i>Pegawai Sains</i> | 62. Megat Syahirul Amin Megat Ali
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 9. Siti Khalijah Hasan @ Yusuf
<i>Juruteknik</i> | 35. Nazirah Zainul Abidin
<i>Pustakawan</i> | 63. Faizul Che Pa
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 10. Roszi Anuar Hamid
<i>Juruteknik</i> | 36. Yusmie Abdul Rani
<i>Pegawai Kewangan</i> | 64. Mohd. Fayzul Mohammed
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 11. Norzaidi Zainol
<i>Juruteknik</i> | 37. Shazlina Isakh
<i>Pegawai Tadbir</i> | 65. Shaiful Nizam Mohyar
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 12. Suraya Harun
<i>Juruteknik</i> | 38. Nor Azmah Abd. Karim
<i>Pegawai Tadbir</i> | 66. Nurjuliana Juhari
<i>Pensyarah
(Pengerusi Rancangan Ijazah)</i> |
| 13. Basri Hamid
<i>Juruteknik</i> | 39. Nur Isyalliena Ishak
<i>Pegawai Tadbir</i> | 67. Mohd. Syafarudy Abu
<i>Pensyarah (Timbalan Dekan)</i> |
| 14. Mohd. Ridzuan Alias
<i>Juruteknik</i> | 40. Alma Azizah Abdul Rahim
<i>Pegawai Tadbir</i> | 68. Tunku Salha Tunku Ahmad
<i>Pensyarah (Timbalan Dekan)</i> |
| 15. Syed Muhammad Faiz Syed Putra
<i>Juruteknik</i> | 41. Rahaida Ab. Rahim
<i>Pegawai Tadbir</i> | 69. Mahyun Ab. Wahab
<i>Pensyarah (Timbalan Dekan)</i> |
| 16. Ahmad Farid Md. Isa
<i>Pembantu Perpustakaan</i> | 42. Rohazna Wahab
<i>Pegawai Teknologi Maklumat (F44)</i> | 70. Md. Tasyrif Abdul Rahman
<i>Pensyarah (Timbalan Dekan)</i> |
| 17. Akmal Hafizal Abd. Hadi
<i>Pembantu Perpustakaan</i> | 43. Ruzalina Ibnu Ruslan
<i>Pegawai Tadbir (N44)</i> | 71. Dr. Muhamad Saifuldin Abdul Manan
<i>Pensyarah Kanan (Timbalan Dekan)</i> |
| 18. Mohd. Faizul Azizan
<i>Pembantu Akauntan</i> | 44. Sharmila Saidin
<i>Pegawai Tadbir (N44)</i> | 72. Mohamad Ezral Baharudin
<i>Pensyarah Universiti
(Pengurus/Pengetua)</i> |
| 19. Azhar Ali
<i>Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan Operasi)</i> | 45. Mohd. Nazri Abu Bakar
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | 73. Ina Suryani Ab. Rahim
<i>Pensyarah Universiti (Pengarah)</i> |
| 20. Rosman Ramli
<i>Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan Operasi)</i> | 46. Nazerry Rosmady Rahmat
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | 74. Nasrudin Abd. Shukor
<i>Pengarah</i> |
| 21. Mashitoh Mohd. Yusof
<i>Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan Operasi)</i> | 47. Sriyana Abdullah
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | 75. Prof. Madya Abdul Rahman Mohd. Saad
<i>Profesor Madya (Dekan)</i> |
| 22. Nyak Madzura Md Fazilah
<i>Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan Operasi)</i> | 48. Marina Marzuki
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | 76. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain
<i>Profesor (Dekan)</i> |
| 23. Irdawati Darus
<i>Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan Operasi)</i> | 49. Bukhari Ilias
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | 77. Saodah Hassan
<i>Bendahari</i> |
| 24. Jasliza Johari
<i>Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)</i> | 50. Azmi Kamardin
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | |
| 25. Khusna Hawari Ab. Jamil
<i>Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)</i> | 51. Mohammad Nazri Md. Noor
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | |
| 26. Mimi Fauziana Shafie
<i>Pembantu Tadbir (Kesetiausalem)</i> | 52. Afzan Kamarudin
<i>Pegawai Latihan Vokasional</i> | |
| | 53. Rozilawati Mahadi
<i>Pensyarah</i> | |
| | 54. Shaiful Rizam Shamsudin
<i>Pensyarah</i> | |

